

Jangan pandang remeh jalan berlubang dan sampah - Mahathir

KUALA LUMPUR 22 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak mahu kakitangan awam memandang remeh soal-soal jalan yang berlubang dan sampah yang tidak diangkat apabila masalah itu dibangkitkan oleh rakyat.

Katanya, walaupun perkara-perkara itu nampak remeh tetapi sebenarnya ia mencetuskan kekecewaan rakyat terhadap kualiti kerja kakitangan awam apabila rakyat mula membangkitkan soal itu dalam akhbar-akhbar.

"Inilah yang harus difahami oleh kaum pekerja terutamanya yang berhubung atau berurusan langsung dengan rakyat," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen CUEPACS Ke-19 di sini hari ini. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek.

Dr. Mahathir kesal kerana masih ada segelintir pekerja awam yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Ini, kata Perdana Menteri, telah mengecewakan rakyat yang berurusan dengan mereka.

Katanya perkara ini dengan

tidak dapat dilaksanakan melalui surat-surat yang ditulis oleh rakyat kepada akhbar-akhbar.

"Mereka jelas sekali kecewa kerana masalah mereka tidak dapat atau lewat diselesaikan atau tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa berkenaan.

"Ini termasuklah soal-soal jalan yang berlubang, bekalan air yang terputus, pembuangan sampah, rawatan perubatan dan pengangkutan awam yang masih tidak memuaskan," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, sekali pandang, perkara-perkara seperti ini nampak remeh dan kurang penting tetapi sebenarnya ialah soal seperti inilah yang harus diutamakan kerana ia menyentuh kehidupan rakyat.

Kata beliau, bayangkanlah sekiranya rakyat di seluruh negara menghadapi masalah-masalah sepertimana yang disebut tadi.

"Kita sebagai kakitangan awam fikirilah sendiri akibatnya jika masalah-masalah yang dianggap kecil ini terkena pada diri kita sendiri kerana pekerja juga seperti rakyat yang lain boleh menjadi pelanggan di masa dan tempat yang berlainan.

"Sepertimana kita tidak suka diberi layanan buruk begitu juga kita tidak harus memberi layanan yang buruk kepada sesiapa pun," ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, inilah peranan yang harus dimainkan oleh pemimpin-pemimpin kaum pekerja.

Sebagai pemimpin, katanya, mereka hendaklah membantu membentuk jentera kerajaan atau struktur perkhidmatan awam yang mantap melalui pekerja-pekerja yang komited pada kerja mereka, jujur, insaf, rajin dan mengutamakan rakyat dan negara.

"Pemimpin dan kaum pekerja yang hanya mementingkan diri sendiri tidak mempunyai hak dan tempat untuk terus duduk dalam sektor perkhidmatan awam kerana kita mahu sektor awam mendapat kepercayaan dan dihormati oleh semua rakyat," katanya.

Mereka, katanya, hendaklah peka kepada masalah rakyat dan sentiasa menanya pada diri sendiri jika perkara sekecil ini tidak dapat diselesaikan dengan segera bagaimanakah mereka hendak mengorak langlah lebih jauh.